

02 SEP 2002

Filipina-Pemeriksaan (Bergambar)/I

WAKIL ARROYO INGIN HAPUSKAN BIBIT SENGKETA

KOTA KINABALU, 2 Sept (Bernama) -- Penasihat presiden Filipina bagi hal ehwal penduduk Islam negara itu, Nur Jaafar hari ini berkata beliau berharap dapat menghapuskan "beberapa perkara yang boleh menimbulkan bibit sengketa" daripada proses penghantaran pulang rakyat negaranya dari Malaysia.

Nur Jaafar yang tiba bersama rombongan sembilan anggota berkata anggota rombongannya juga akan mengkaji bagaimana proses penghantaran pulang itu boleh dipermudahkan seperti mewujudkan lebih banyak pusat penghantaran pulang selain pelabuhan Sandakan.

"Tujuan kami ke sini ialah untuk memohon kelonggaran dan kefahaman...kita menganuti agama, tradisi dan budaya yang sama. Saya tidak nampak sebab kenapa kita tidak boleh mencapai kata sepakat mengenai proses penghantaran pulang yang lebih mudah bagi meringankan penderitaan rakyat kami," katanya kepada pemberita sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu tengah hari ini.

Ketibaan Nur Jaafar disambut Menteri Di Jabatan Ketua Menteri Datuk Abdul Ghapur Salleh. Turut berada di lapangan terbang untuk menyambut ketibaan beliau ialah duta Filipina ke Malaysia, Jose Brillantes.

Nur Jaafar yang tiba dengan penerbangan terus dari Manila diiringi setiausaha bahagian bagi hal ehwal luar Arthur Brian, setiausaha bahagian bagi hal ehwal kesihatan, setiausaha bahagian bagi hal ehwal kebajikan masyarakat dan buruh, setiausaha bahagian bagi hal ehwal guna tenaga, wakil jabatan pertahanan dan media.

Ditanya bagaimana penghantaran balik itu boleh dipermudahkan, Nur Jaafar berkata: "Mereka ditahan di pusat-pusat tahanan di Tawau dan Kota Kinabalu tetapi kesemua mereka dibawa ke Sandakan untuk memulakan perjalanan pulang.

"Mereka tertekan teruk memandangkan bilangan orang yang terbabit. Jika kita boleh perbaikinya, ia demi kebaikan negara kita."

Sebagai contoh, Nur Jaafar berkata, warga Filipina yang ditahan di Tawau dan Semporna boleh dihantar pulang terus melalui Sitangkai dan Tawi-Tawi tanpa perlu membawa mereka ke Sandakan.

Beliau berkata kerajaan Filipina bersiap sedia menghantar kapal-kapal tenteranya untuk mengambil warganya di pelabuhan-pelabuhan selain daripada pelabuhan di Sandakan jika kerajaan Malaysia memberi kebenaran untuk berbuat demikian.

Nur Jaafar berkata kebanyakan daripada aduan yang diterima daripada mereka yang ditahan ialah perjalanan darat yang jauh daripada pusat-pusat tahanan ke Sandakan dan kemudian dengan kapal ke destinasi-destinasi di selatan Filipina.

Nur Jaafar, yang dihantar oleh Presiden Filipina Gloria Macapagal-Arroyo ke Sabah ekoran laporan warga Filipina yang ditahan di negeri ini menerima layanan buruk, berkata: "Objektif kita ialah untuk mengeluarkan bibit-bibit sengketa antara kedua-dua negara yang beberapa pihak dalam masyarakat kita mengambil kesempatan daripadanya.

"Sebab itulah kami berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana mengisytiharkan moratorium terhadap penghantaran pulang itu selepas berbincang dengan Presiden Arroyo," katanya.

Pasukan itu akan mengunjungi Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai di Istana Negeri di sini esok dan kemudian Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat. Mereka kemudian akan menghadiri taklimat keselamatan di sebelah tengah hari sebelum melawat satu pusat tahanan sementara di Menggatal, dekat sini.

Pada Rabu, pasukan itu akan melawat pusat tahanan Tawau sebelum bertolak ke Sandakan pada tengah hari.

Semasa berada di Sandakan, Nur Jaafar akan melawat dua kapal tentera laut negaranya yang sepatutnya bertolak ke Pelabuhan Karamunting semalam bersama lebih 400 warga Filipina tetapi masih belum berbuat demikian. Delegasi itu akan menamatkan misi mereka ke Sabah dan bertolak ke Manila pada tengah hari Khamis.

Ditanya mengapa dua kapal tentera laut itu masih belum memulakan pelayaran ke selatan Filipina, Nur Jaafar berkata: "Ia bukan kerana ketibaan kami. Ia kerana kapasiti kapal...ia masih boleh menampung lebih ramai lagi orang dan saya tidak lihat sebab mengapa kita perlu segerakan perjalanannya," kata beliau.

-- BERNAMA

JS PR